



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***ILMU DALAM NOVEL POPULAR KARYA AISYA SOFEA
BERDASARKAN PERSURATAN BARU***

NURUL HILWANY BINTI CHE SHAFFINE

FBMK 2018 4



**ILMU DALAM NOVEL POPULAR KARYA AISYA SOFEA
BERDASARKAN PERSURATAN BARU**

Oleh

NURUL HILWANY BINTI CHE SHAFFINE

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Oktober 2017

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

ILMU DALAM NOVEL POPULAR KARYA AISYA SOFEA BERDASARKAN PERSURATAN BARU

Oleh

NURUL HILWANY BINTI CHE SHAFFINE

Oktober 2017

Pengerusi : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tesis ini memfokuskan terhadap soal ilmu dalam novel-novel popular karya Aisya Sofea. Sebagai seorang novelis, novel-novel hasil nukilan Aisya Sofea sering dikaitkan dengan Alaf 21 Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat penerbitan swasta yang terkenal dengan penerbitan novel popular. Justeru, Alaf 21 Sdn. Bhd. dikatakan cenderung terhadap selera penerbitan novel popular dan berorientasikan keuntungan material. Fokus terhadap soal ilmu dalam novel-novel popular karya Aisya Sofea bertitik tolak daripada sorotan literatur yang rata-rata menjelaskan adanya perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana dan pengkaji sastera. Di satu pihak, beberapa sarjana dan pengkaji sastera berpendapat bahawa novel-novel popular karya Aisya Sofea hanya memanipulasi tema-tema cinta sebagai strategi komersial, dan justeru dianggap meminggirkan ilmu. Di pihak yang lain, ada yang berpendapat bahawa tema-tema cinta dalam novel-novel popular karya Aisya Sofea mengandungi ilmu yang bermanfaat kepada pembaca. Perbezaan pendapat ini dengan sendirinya menjadi permasalahan yang menuntut kepada pengkajian lanjut. Dengan permasalahan ini, kajian ini distrukturkan untuk mencapai dua objektif, iaitu menganalisis kedudukan ilmu dalam novel-novel popular Aisya Sofea berdasarkan gagasan Persuratan Baru, dan merumuskan kedudukan ilmu dalam novel-novel popular Aisya Sofea berdasarkan gagasan Persuratan Baru. Bagi mencapai kedua-dua objektif tersebut, kajian ini menganalisis tiga novel popular karya Aisya Sofea yang diterbitkan oleh Alaf 21 Sdn. Bhd. Kajian ini menerapkan gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) sebagai kerangka analisis. Pemilihan kerangka analisis ini diasaskan kepada prinsip PB yang membezakan antara “wacana” (*discourse*) dengan “cerita” (*narrative*), dan seterusnya mengutamakan “wacana” (*discourse*) dalam pengkonsepsian sesebuah karya kreatif seperti novel. Dengan menerapkan PB, analisis ini mencapai dua kesimpulan penting. Pertama, novel-novel popular karya Aisya Sofea yang dikaji rata-rata dibangunkan melalui manipulasi alat-alat penceritaan (*narrative devices*). Kedua, novel-novel popular karya Aisya Sofea yang dikaji mengutamakan “cerita”, berbanding “wacana” (*discourse*) atau ilmu. Hasil kajian ini diharap dapat menyumbang dalam merungkaikan permasalahan tentang ilmu dalam novel-novel popular karya Aisya Sofea khususnya,

dan sekali gus memperkayakan lagi korpus penyelidikan tentang novel-novel popular di Malaysia.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia
in Fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts

**THE KNOWLEDGE IN AISYA SOFEA POPULAR NOVEL
BASED ON PERSURATAN BARU**

By

NURUL HILWANY BINTI CHE SHAFFINE

October 2017

Chairman : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

This thesis focuses on the knowledge issues in Aisya Sofea's popular novels. As a novelist, the novels authored by Aisya Sofea are frequently associated with Alaf 21 Sdn. Bhd., which is a private publishing company reputed as one of the famous publishers of popular novels in Malaysia. Hence, Alaf 21 Sdn. Bhd. is claimed to have a propensity in its publishing style of publishing popular novels and profit oriented materials. The focus on the knowledge issues in Aisya Sofea's popular novels originated from a series of literary pieces that commonly expresses the presence of multiple different views from various scholars and literary researchers about Aisya Sofea's popular novels. On one hand, some scholars and literary researchers reckoned that the popular novels authored by Aisya Sofea have manipulated the themes of love to be used as a commercial strategy and hence, it is considered as marginalizing the knowledge. On the other hand, some opined that the love themes in the popular novels by Aisya Sofea certainly contain knowledge. The different perspectives among the scholars and literary researches has enticed this study to explore the knowledge contained in the popular novels written by Aisya Sofea. The complication has led this study to be structured to achieve two objectives which are analyzing the knowledge contents in Aisya Sofea's popular novels based on *gagasan Persuratan Baru* and further summarizing the knowledge obtained in her popular novels based on *gagasan Persuratan Baru*. In order to achieve these two objectives, this research has analyzed three popular novels written by Aisya Sofea that were published by Alaf 21 Sdn. Bhd. This study applied *gagasan Persuratan Baru* (next *PB*) as the analytical framework. The selection of this analytical framework is based on the *PB* principles that distinguish the terms "discourse" and "narrative" as well as prioritize the "discourse" in the conceptualization of creative works such as novels. By implementing the *PB*, this analysis reaches two significant conclusions. Firstly, Aisya Sofea's popular novels are developed through the manipulation of narrative devices. Secondly, her popular novels that are studied in this research prioritized the "narrative" style rather than the "discourse" style or knowledge. Hopefully, the findings of this study will be able to contribute significantly in the knowledge issues of Aisya Sofea's popular novels, and thereby enriching the literary research corpus on popular novels in Malaysia.

PENGHARGAAN



Dengan memanjatkan puji dan syukur ke hadrat Allah SWT, kerana petunjuk dan hidayah-Nya, akhirnya penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Selawat dan salam semoga tetap dilimpahkan kepada Nabi Muhammad SAW berserta para sahabat dan seluruhnya keluarganya.

Saya menyedari sepenuhnya, tesis ini dapat diselesaikan semata-mata kerana pertolongan dari Allah SWT. Di samping itu juga adalah kerana dorongan dan bantuan daripada beberapa pihak. Ucapan terima kasih, pertama-tama saya sampaikan kepada penyelia tesis saya, Prof. Madya Dr. Mohd. Zariat bin Abdul Rani kerana berkat usaha penuh kesabaran dan keikhlasan serta bimbingan, teguran dan dorongan yang berguna sepanjang penulisan tesis dijalankan. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan tesis saya, Dr. Norazlina binti Haji Mohd. Kiram dan Dr. Muhd Zulkifli bin Ismail kerana memberikan pendapat dan ulasan yang dapat menambah baik penulisan tesis saya. Walau dengan kesibukan dan keterbatasan waktu, tetapi sentiasa memberikan bimbingan demi penyempurnaan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga kepada institusi-institusi yang telah memberikan kerjasama dan membantu saya dalam melancarkan penulisan tesis. Antaranya, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), Perpustakaan Pendeta Za'ba (UM), Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM), Perpustakaan Pusat Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan (UKM), dan Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Juga kepada Puan Aisya Sofea dan Puan Mazuen Yahaya kerana sudi ditemu bual dan memberi kerjasama dalam menyempurnakan tesis ini.

Segunung penghargaan dan selaut kasih buat Abah, Che Shaffine bin Ismail yang tidak jemu memberi kata-kata semangat dan dorongan. Tidak lupa kepada Mama tercinta yang telah kembali ke *rahmatullah*, *Allahyarhamah* Nisah binti Mat Yunus yang sentiasa dalam kenangan dan menjadi sumber inspirasi dalam hidup saya. Juga kepada adik beradik, Muhammad Aslam, Muhammad Syafiq dan Noor Syafawani yang banyak memberi sokongan dan kepada temanku, Rozita Mohamed Noor yang selalu memberi kata-kata semangat. Selanjutnya kepada semua pihak yang tidak dapat disebut satu persatu, saya mengucapkan ribuan terima kasih, semoga amal baik mereka dibalas oleh Allah SWT dengan balasan yang lebih baik.

Akhirnya, dengan rasa rendah diri, saya menyedari bahawa tesis ini masih jauh dari sempurna. Saya berharap semoga tesis ini bermanfaat bagi seluruh umat manusia.

Nurul Hilwany Binti Che Shaffine,
Pasir Puteh, Kelantan

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norazlina binti Haji Mohd. Kiram, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Muhd Zulkifli bin Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nurul Hilwany binti Che Shaffine (GS37407)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Mohd. Zariat bin Abdul Rani

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Norazlina binti Haji Mohd. Kiram

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Muhd Zulkifli bin Ismail

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PENGAKUAN	vii
 BAB	
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Sorotan Literatur	2
1.3 Permasalahan Kajian	8
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kerangka Analisis	8
1.6 Kriteria Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian	9
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 “Ilmu”	11
1.7.2 “Cerita”	12
1.7.3 “Novel Popular”	12
1.8 Kepentingan Kajian	14
 2 PERSURATAN BARU: SATU KERANGKA ANALISIS	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Latar Belakang Ringkas Mohd. Affandi Hassan	15
2.2.1 Kegiatan Penulisan	16
2.3 Resepsi Kritis Terhadap Gagasan Persuratan Baru	17
2.4 Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan	18
2.4.1 Hakikat Insan	19
2.4.2 Hakikat Ilmu dan Amal	22
2.4.3 Hakikat dan Fungsi Sastera	23
2.4.4 Alat-alat Analisis Teks	25
2.5 Kesimpulan	27
 3 AISYA SOFEA DALAM PERKEMBANGAN NOVEL POPULAR DI MALAYSIA	
3.1 Pengenalan	29
3.2 Penerbitan Novel Popular di Malaysia Dekad 1940 Hingga 2000-an	29
3.3 Aisya Sofea Sebagai Novelis Popular Alaf 21 Sdn. Bhd.	35
3.3.1 Latar Belakang, Keluarga, Pendidikan, dan Kerjaya	35
3.3.2 Proses Kreatif dan Kegiatan Penulisan	36
3.3.3 Anugerah dan Pencapaian	36

3.3.4	Resepsi Pembaca	37
3.3.5	Aisya Sofea dan Hubungannya dengan Alaf 21 Sdn. Bhd.	38
3.3.6	Latar Belakang Penubuhan dan Pencapaian Syarikat	39
3.3.7	Falsafah dan Misi Penubuhan	40
3.3.8	Produk Penerbitan dan Strategi Pemasaran	41
3.4	Kesimpulan	43
4	ANALISIS “ILMU” DALAM NOVEL-NOVEL POPULAR AISYA SOFEA BERDASARKAN PERSURATAN BARU	
4.1	Pengenalan	44
4.2	Analisis novel <i>Jendela Hati</i> (2000)	44
4.2.1	Paksi Naratif <i>Jendela Hati</i>	46
4.2.2	Ruang Naratif <i>Jendela Hati</i>	47
4.2.3	Isian Cerita dalam Ruang Naratif <i>Jendela Hati</i>	47
4.3	Analisis novel <i>Kau Untukku</i> (2001)	56
4.3.1	Paksi Naratif <i>Kau Untukku</i>	58
4.3.2	Ruang Naratif <i>Kau Untukku</i>	58
4.3.3	Isian Cerita dalam Ruang Naratif <i>Kau Untukku</i>	58
4.4	Analisis novel <i>Sehangat Asmara</i> (2003)	66
4.4.1	Paksi Naratif <i>Sehangat Asmara</i>	67
4.4.2	Ruang Naratif <i>Sehangat Asmara</i>	68
4.4.3	Isian Cerita dalam Ruang Naratif <i>Sehangat Asmara</i>	68
4.5	Kesimpulan	77
5	PENEMUAN DAN KESIMPULAN	78
	BIBLIOGRAFI	82
	LAMPIRAN	88
	BIODATA PELAJAR	96

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dalam kesusasteraan Melayu moden, “novel popular” menjadi salah satu daripada kategori sastra yang mendapat perhatian. Sekurang-kurangnya sejak tahun 1940-an, kegiatan sastra Melayu moden antaranya turut dimeriahkan dengan banjir novel-novel popular yang mendapat sambutan daripada pembaca awam. Sejak itu juga, kegiatan penerbitan novel-novel popular dilihat berterusan hingga ke tahun-tahun 2000-an. Sepanjang dekad-dekad ini, muncul beberapa seperti Ahmad Lutfi, Yahya Samah, Sabar Bohari, A. Talib Hassan, Ahadiat Akashah, Samsiah Mohd Nor, Norhayati Berahim, Aisya Sofea serta ramai lagi, yang rata-rata dianggap sebagai novelis-novelis yang terkenal dengan novel-novel mereka yang laris di pasaran atau sering disebut sebagai “*bestsellers*”. Seiring dengan itu juga, muncul beberapa nama syarikat penerbitan seperti Qalam Press, Utusan Melayu (M) Berhad, Pustaka Abbas Bandung, Amir Enterprise, Pena Sdn. Bhd., Marwilis Publishers, Creative Enterprise Sdn. Bhd., Alaf 21 Sdn. Bhd. dan PTS Sdn. Bhd. yang aktif menerbitkan novel-novel popular. Sepanjang tempoh ini juga, novel-novel popular terus giat diterbitkan meskipun kehadirannya dalam dunia kesusasteraan cenderung dipandang sepi terutamanya oleh pihak-pihak yang berautoriti dalam bidang kesusasteraan di Malaysia.

Sehinggalah pada tahun 2006, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur menganjurkan Bengkel Novel Popular. Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk membicarakan tentang novel-novel yang popular pada dekad 2000-an. Sebanyak 16 kertas kerja telah dibentangkan dalam bengkel tersebut, hasil daripada penelitian para sarjana serta pengkaji sastra terhadap novel-novel popular di pasaran tempatan. Sejajar dengan tema bengkel iaitu “Novel Popular: Antara Komersialisme dengan Intelektualisme”, kesemua pembicaraan dalam kertas kerja-kertas kerja ini berlegar sekitar persoalan intelektualisme dan komersialisme. Penganjuran bengkel ini dapat dianggap penting dalam sejarah serta perkembangan kegiatan penerbitan novel popular di Malaysia. Hal ini kerana julung-julung kalinya sebuah badan berautoriti dalam bidang kesusasteraan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur memberikan perhatian terhadap novel-novel popular. Sukar untuk dinafikan hakikat bahawa perhatian yang diberikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur ini ada kaitannya dengan kegiatan penerbitan novel-novel popular yang begitu aktif pada dekad 2000-an. Aktifnya kegiatan penerbitan novel-novel popular sepanjang dekad ini turut disambut oleh sejumlah kajian ilmiah sehingga mewujudkan korpus kajiannya yang tersendiri. Perbincangan selanjutnya akan menyoroti kajian-kajian ilmiah sepanjang dekad 2000-an tentang novel-novel popular di Malaysia.

1.2 Sorotan Literatur

Perbincangan dimulakan dengan meneliti tesis sarjana oleh Wan Norizan Binti Wan Yusoff (seterusnya Wan Norizan) bertajuk “Isu Sosial dalam Novel Samsiah Mohd Nor” (2011). Tesis sarjana ini mengemukakan permasalahan tentang isu-isu sosial, dan menilai kesan daripada isu sosial yang digambarkan dalam teks-teks kajian. Tesis ini mengkaji novel-novel karya Samsiah Mohd Nor, seorang novelis yang popular dengan karya-karyanya yang rata-rata laris di pasaran atau *bestsellers*. Tiga novel Samsiah Mohd Nor yang dikaji ialah *Maya Pusara* (1992), *Sangkar* (1995) dan *Cinta Jati Klasik* (2003). Tesis ini menerapkan Teori Sosiologi. Teori ini dipilih kerana dianggap sesuai untuk menangani permasalahan tentang isu sosial dalam karya sastera. Analisis Wan Norizan mendapati isu sosial yang dimanifestasikan dalam novel-novel Samsiah Mohd Nor yang dikaji rata-rata tertumpu kepada dua ciri utama, iaitu isu positif dan negatif. Isu sosial yang positif ialah isu cinta, kasih sayang dan kesetiaan seorang isteri. Manakala, isu sosial negatif pula mencakupi isu sumbang mahram, merampas suami orang, dan makan harta orang lain. Lebih penting lagi ialah kesimpulan tesis ini yang menganggap novel-novel popular Samsiah Mohd Nor tetap menyampaikan nilai-nilai murni yang disulami dengan tema-tema cinta (Wan Norizan, 2011: 90).

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada tesis sarjana Samsiah Mohd Nor (seterusnya Samsiah) yang bertajuk “Ekspresi Bahasa Wanita dalam Novel Popular” (2012). Tesis sarjana ini membangkitkan permasalahan tentang sambutan pembaca, terutamanya wanita terhadap novel-novel Melayu popular. Tesis ini menghujahkan bahawa terdapat elemen penting yang berpusatkan pengalaman lahiriah dan batiniah wanita dalam novel-novel popular. Sehubungan itu, tesis ini bertujuan menganalisis ekspresi bahasa wanita, dan membincangkan perkembangan novel popular di Malaysia. Untuk itu, tesis ini meneliti novel-novel popular yang berlainan novelis dan penerbitnya. Antara novel popular yang dikaji ialah *Kau Yang Satu* (2002) karya Nia Azalea, *Manisnya Cinta* (2004) karya Anis Ayuni, *Cemburu Seorang Perempuan* (1993) karya Siti Hasneza Abdul Hamid, *Keranamu Ain* (2003) karya Noor Suraya, *Mahligai* (2001) karya Salina Ibrahim dan *Tangisan Bulan Madu* (2004) karya Samsiah Mohd Nor. Tidak ketinggalan ialah novel *Jendela Hati* (2000) hasil nukilan seorang novelis popular iaitu Aisha Sofea. Tesis sarjana ini menerapkan Teori Ginokritik dan konsep-konsep bahasa berasaskan kaedah pendekatan kualitatif. Analisis Samsiah mendapati novel-novel popular yang kaji memaparkan ekspresi kewanitaan melalui penggunaan bahasa yang berkaitan dengan aspek kejiwaan. Lebih relevan lagi ialah kesimpulan ini bahawa tidak semua novel popular yang dikaji menggarap tema percintaan dan menitikberatkan hiburan semata-mata. Sebaliknya, kebanyakan novel popular yang dikaji termasuk novel Aisha Sofea didapati menggarap tema-tema serius seperti kekeluargaan, atau menyelamkan tema-tema percintaan dengan persoalan-persoalan yang serius (Samsiah, 2012: 276).

Seterusnya, pengamatan ini turut meneliti latihan ilmiah Zulkifli Zainal Abidin (seterusnya Zulkifli) bertajuk “Novel Popular Antara Komersialisme dan Intelektualisme: Teks Kajian *Arjuna Hati*, *Getaran Rindu* dan *Zuriat* karya Norzailina Nordin” (2008). Latihan ilmiah ini membangkitkan permasalahan tentang isu komersialisme dengan intelektualisme dalam novel-novel popular. Latihan ilmiah ini bertujuan untuk mengetahui nilai-nilai sebenar yang terdapat dalam karya novel

populer. Untuk itu, kajian Zulkifli ini meneliti tiga buah novel populer karya Norzailina Nordin iaitu *Arjuna Hati* (2004), *Getaran Rindu* (2006) dan *Zuriat* (2001). Hasil kajian Zulkifli mendapati bahawa ketiga-tiga novel yang dikaji lebih menitikberatkan aspek komersialisme sebagaimana yang ketara pada kecenderungan dalam memanipulasi tema-tema percintaan (Zulkifli, 2008: 23). Selain dapatan ini, turut menarik untuk diketengahkan pandangan Zulkifli yang menganggap bahawa terdapat novel populer yang tidak terlalu cenderung terhadap aspek komersialisme, tetapi turut memperlihatkan kecenderungan untuk menyampaikan pemikiran. Antaranya, menurut kajian Zulkifli ialah novel-novel populer hasil nukilan Aisya Sofea dianggapnya mengandungi ilmu pengetahuan yang dapat mendidik masyarakat (Zulkifli, 2008: 23 & 72).

Perbincangan seterusnya beralih kepada rencana oleh Wahba bertajuk “Penghargaan Pada Novel Cinta” (2013). Rencana ini membicarakan tentang novel-novel cinta yang dikatakan populer, kerana mendapat sambutan hangat daripada pembaca terutamanya remaja perempuan. Rencana Wahba ini menjelaskan bahawa novel-novel cinta yang laris kebanyakannya dihasilkan oleh novelis wanita yang berusia antara 20 hingga 35 tahun. Antara novelis yang dianggap termasuk dalam kumpulan ini ialah Aisya Sofia. Golongan novelis ini termasuk Aisya Sofea dikatakan mempunyai “tenaga dan daya pemikiran yang segar” (ungkapan Wahba sendiri). Menurut rencana Wahba ini lagi, para novelis ini menulis novel cinta berasaskan pengalaman yang mereka lalui sendiri, dan ingin berkongsi pengalaman itu dengan pembaca. Perkongsian pengalaman inilah yang mengikat perhubungan antara novelis dengan pembaca, yang menurut Wahba menyebabkan sesebuah novel itu laris dan populer. Lebih penting lagi, rencana Wahba ini berpendapat bahawa kedekatan hubungan antara novel cinta yang populer ini, dengan pembacanya menepati fungsi karya sastera. Dengan kata lain, rencana Wahba ini cenderung menganggap bahawa novel populer juga membawakan mesej-mesej yang berguna kepada pembaca. Berasaskan hakikat ini, rencana Wahba ini menyarankan supaya pihak yang berautoriti seperti Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan penghargaan yang sewajarnya kepada novel-novel cinta (Wahba, 2013).

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada rencana oleh Md. Taib Nordin (seterusnya Md. Taib) berjudul “Novel Populer: Antara Komersialisme dengan Intelektualisme” (2006). Rencana Md. Taib ini, antaranya mengulas tentang Bengkel Kajian Novel Populer di Malaysia yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (seterusnya DBP) pada tahun 2006. Menurut Md. Taib, bengkel ini membentangkan 13 kertas kerja yang meneliti novel-novel populer yang laris di pasaran. Novel-novel populer yang diteliti merangkumi 15 buah terbitan tiga syarikat penerbitan terkenal iaitu Raket Kertas Sdn. Bhd., Creative Enterprise Sdn. Bhd., dan Alaf 21 Sdn. Bhd. Antara novel populer yang diteliti ialah novel *Jendela Hati* (2002) karya Aisya Sofea. Selain itu ialah novel *Gemersik Kalbu* (2005) karya Anis Ayuni dan novel *Mahligai Cinta* (2006) karya Sri Diah. Rencana ini antara lain merumuskan perakuan bahawa novel populer turut mempunyai nilai sastera termasuk “sarat dengan maklumat” (ungkapan Md. Taib sendiri) yang dianggap “dapat menambah pengetahuan pembaca” (ungkapan Md. Taib sendiri). Dengan kata lain, novel populer diperakukan sebagai karya sastera yang mengandungi ilmu serta pemikiran. Malah, para novelis yang menghasilkan novel populer juga dianggap berpotensi untuk menghasilkan karya yang bersifat intelektual. Rencana Md. Taib turut mengutip kenyataan Ketua Pengarah DBP pada ketika itu, Datuk Dr. Firdaus Hj. Abdullah yang dilaporkan menyeru supaya bahawa novelis novel

populer diberikan perhatian kerana mereka mampu untuk menerbitkan karya sastera yang mengandungi pemikiran yang tinggi (Md. Taib, 2006).

Perbincangan pada tahap ini telah menyoroti sejumlah kajian-kajian ilmiah termasuk tesis, latihan ilmiah, artikel, kertas kerja serta rencana, yang rata-rata memperkatakan tentang novel populer di Malaysia. Adalah jelas daripada sorotan di atas bahawa novel populer di Malaysia cenderung dikaitkan dengan tema-tema percintaan yang dikatakan menjadi kegemaran pembaca awam, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Wahba (2013). Akan tetapi, terdapat novel populer yang dikatakan menyulami tema-tema percintaan dengan mesej-mesej yang serius sebagaimana yang diperakukan oleh Wan Norizan Wan Yusoff (2011) dan Samsiah Mohd Nor (2012). Lebih penting lagi, kehadiran mesej-mesej ini dianggap menyerlahkan sifat intelektual novel-novel yang dianggap populer itu, yang turut dikatakan sarat dengan ilmu serta pemikiran, sebagaimana yang disimpulkan oleh Zulkifli Zainal Abidin (2008), dan Md. Taib Nordin (2006). Adalah penting untuk diamati bahawa dalam konteks novel-novel populer di Malaysia, kajian-kajian ilmiah di atas antaranya membariskan beberapa nama novelis. Antara yang kerap diutarakan ialah Aisya Sofea, seorang novelis wanita yang dianggap telah sedia mengukir namanya sebagai novelis yang novel-novelnya mendapat sambutan daripada pembaca. Dalam konteks ini, rata-rata kajian di atas didapati cenderung memperakukan adanya mesej serta pemikiran dalam novel-novel hasil nukilan Aisya Sofea. Hal ini mengundang kajian ini untuk seterusnya menyoroti kajian serta tulisan ilmiah yang meneliti, antaranya novel populer karya Aisya Sofea.

Sorotan ini dimulakan dengan meneliti kertas kerja oleh Mawar Safie, Rosnah Baharudin, Siti Rugayah Tibek, Fariza Md Sham, Zamri Ariffin, dan Samsiah Mohd Nor (seterusnya Mawar dan rakan-rakan) bertajuk “Novel Populer dan Kecenderungan Khalayak Remaja” (2008). Kertas kerja ini menganalisis novel-novel Melayu populer bagi mengenal pasti isi kandungannya yang dianggap telah menarik minat pembaca awam. Untuk itu, kertas kerja ini meneliti lima novel Melayu populer yang terbit sepanjang tahun 2004 sehingga 2007. Antara yang diteliti ialah novel karya Aisya Sofea bertajuk *Jendela Hati* (2002) dan *Kau Untukku* (2005). Hasil analisis mendapati bahawa kedua-dua novel Aisya Sofea yang diteliti ini mengemukakan tema percintaan. Tema ini dikemukakan melalui aspek dalaman seperti garapan plot yang mudah, serta penampilan watak-watak yang berpendidikan serta bermoral, yang sekali gus menjadikan kedua-dua novel itu mudah untuk difahami oleh pembaca (Mawar Safie et al., 2008: 10-11). Kelebihan ini diperkukuhkan lagi dengan aspek luaran seperti penerbit, promosi, novelis serta penampilan novel yang kesemuanya dianggap berupaya memancing minat pembaca. Adalah jelas pada penelitian Mawar dan rakan-rakan bahawa kekuatan novel-novel populer termasuk dua novel Aisya Sofea yang dikaji, antaranya terletak pada persoalan kekeluargaan yang tersulam melalui garapan tema percintaan. Persoalan kekeluargaan ini antaranya terserlah melalui watak-watak ahli keluarga yang diceritakan memainkan peranan penting dalam cerita. Sehubungan itu, analisis Mawar dan rakan-rakan menyimpulkan bahawa persoalan kekeluargaan menjadi kekuatan novel-novel populer hasil nukilan novelis wanita termasuk Aisya Sofea (Mawar Safie et al., 2008: 9). Selain itu, analisis Mawar Safie dan rakan-rakan turut memperakukan bahawa novel-novel populer termasuk dua novel Aisya Sofea yang dikaji, mengangkat isu-isu berkaitan wanita seperti semangat persaudaraan wanita (*sisterhood*) dan ketidakadilan terhadap kaum wanita (Mawar Safie et al., 2008: 5).

Seterusnya pengamatan beralih kepada artikel Zalila Sharif (seterusnya Zalila) bertajuk “Cabaran Novel Popular dalam Arus Sastera Perdana” (2007). Dalam artikel ini, Zalila antara lain membangkitkan soal sambutan pembaca awam yang dianggap memberangsangkan terhadap novel-novel popular. Sambutan ini mendorong syarikat-syarikat penerbitan untuk menerbitkan novel-novel popular. Selain itu, sambutan ini juga dikatakan telah mendorong Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur untuk menganjurkan bengkel khas bagi mengkaji novel-novel popular. Lebih penting lagi ialah pendapat Zalila yang tidak bersetuju dengan tanggapan bahawa novel popular hanya cenderung untuk menghiburkan pembaca. Hal ini kerana, Zalila berpendapat novel-novel popular juga mengandungi mesej tertentu yang berguna kepada pembaca (Zalila, 2007: 34). Dalam konteks ini, Zalila mengajukan novel-novel hasil nukilan Aisya Sofea, yang dianggapnya menggarap mesej-mesej dengan strategi yang mudah untuk difahami oleh pembaca. Dalam hal ini, Zalila menjelaskan bahawa novel-novel Aisya Sofea rata-rata dibahagikan kepada bab-bab yang pendek serta disusun dengan cara yang dapat menimbulkan rasa ingin tahu pembaca. Selain itu, novel-novel Aisya Sofea juga menggunakan gaya bahasa yang mudah (Zalila, 2007: 34).

Selanjutnya, pengamatan ini diteruskan terhadap latihan ilmiah Malini Saibin (seterusnya Malini) berjudul “Ilmu Pengetahuan dalam Novel *Jauh* dan *Jendela Hati* Karya Aisya Sofea” (2004). Latihan ilmiah ini menghujahkan bahawa novel-novel popular Aisya Sofea cenderung menangani isu kemasyarakatan, terutamanya aspek budaya dan sosial. Kecenderungan ini dianggap signifikan dan menjadi “ilmu pengetahuan” (istilah Malini sendiri) yang disampaikan dalam novel-novel Aisya Sofea yang dikaji. Dengan pemahaman ini, latihan ilmiah ini ditulis dengan tujuan untuk meneliti unsur-unsur ilmu pengetahuan, dan seterusnya mengenal pasti unsur ilmu pengetahuan yang diterapkan dalam novel-novel Aisya Sofea yang dikaji. Terakhir, latihan ilmiah ini bertujuan untuk menghuraikan unsur ilmu pengetahuan dalam novel-novel Aisya Sofea yang dikaji. Untuk itu, latihan ilmiah ini menganalisis dua buah novel popular Aisya Sofea, iaitu *Jauh* (1997) dan *Jendela Hati* (2000). Hasil analisis mendapati bahawa novel-novel Aisya Sofea yang dikaji, memang memperlihatkan kecenderungan terhadap ilmu pengetahuan. Kajian ini turut merumuskan bahawa novel-novel Aisya Sofea yang dikaji, menggarap ilmu pengetahuan yang dapat dijadikan panduan kepada para pembaca (Malini, 2004: 88).

Seterusnya, sorotan ini meneliti kertas kerja oleh Talib Samat (seterusnya Talib) yang secara khusus meneliti novel Aisya Sofea berjudul *Jendela Hati* (2002). Kertas kerja Talib ini berjudul “Strategi dan Teknik Naratif dalam Novel *Jendela Hati* Karya Aisya Sofea” (2006). Dalam kertas kerja ini, Talib menganalisis novel Aisya Sofea itu dengan memfokuskan terhadap aspek strategi dan teknik naratif. Analisis ini mengguna pakai teori naratologi dan kerangka analisis naratologikal, yang dikatakan menekankan tiga aspek utama iaitu penghasil teks, struktur teks dan kesan kepada khalayak pembaca. Dengan menerapkan teori serta kerangka analisis tersebut, analisis Talib mengenal pasti beberapa kekuatan novel *Jendela Hati* karya Aisya Sofea. Antaranya, novel Aisya Sofea ini didapati mencetuskan kesedaran sosial berasaskan ceritanya yang berlegar sekitar isu yang sering berlaku dalam masyarakat Melayu. Menurut Talib, novel Aisya Sofea ini juga memperlihatkan usaha untuk menjelaskan permasalahan serta realiti sosial masyarakat (Talib, 2006: 32).

Bertentangan dengan kesimpulan di atas, sorotan ini turut mengenal pasti beberapa kajian yang mengutarakan pandangan yang berbeza. Antaranya, tulisan Irwan Abu Bakar (seterusnya Irwan) berjudul “Novel Populer dan Pembangunan Minda” (2007). Tulisan ini antara lain membicarakan tentang keupayaan novel populer dalam menyampaikan ilmu yang dapat membangunkan pemikiran masyarakat. Lebih menarik lagi apabila tulisan Irwan ini secara jelas menyebut nama Aisya Sofea dan Alaf 21 Sdn. Bhd. (iaitu syarikat penerbitan yang sering menerbitkan novel-novel populer Aisya Sofea) sebagai antara novelis populer di Malaysia pada masa ini, sebagaimana katanya: “Di Malaysia, novel populer kerap dikaitkan dengan penerbit, misalnya Alaf 21 dan Creative Enterprise”. Di samping itu, novel populer kerap juga dikaitkan dengan penulis, misalnya Ahadiat Akashah dan Aisya Sofea (Irwan, 2007: 36). Pada perenggan yang lain, tulisan Irwan ini turut menganggap *Jendela Hati* karya Aisya Sofea sebagai sebuah novel yang populer kerana diulang cetak sebanyak 11 kali (Irwan, 2007: 36). Kenyataan ini menyerlahkan kecenderungan Irwan yang menganggap novel Aisya Sofea lebih bermotifkan keuntungan. Berlatar belakangkan tanggapan ini, adalah signifikan apabila Irwan kemudiannya merumuskan bahawa novel-novel populer boleh mencetuskan “hal-hal negatif” (ungkapan Irwan sendiri). Hal ini kerana novel populer dianggap tidak berupaya membangunkan daya intelek pembaca, dan justeru dianggap tidak memberikan sumbangan yang bermakna terhadap tamadun manusia (Irwan, 2007: 37). Adalah jelas daripada pengamatan bahawa tulisan Irwan cenderung menganggap novel-novel populer termasuk novel-novel Aisya Sofea, sebagai karya yang bermotifkan keuntungan, dan justeru dihasilkan tanpa keinginan untuk membangunkan pemikiran masyarakat.

Seterusnya, kecenderungan yang menghakis kualiti novel-novel Aisya Sofea turut jelas dalam makalah Talib Samat (seterusnya Talib) berjudul “Perbandingan Novel Populer dengan Novel Serius” (2013). Dalam perbincangannya yang membandingkan antara “novel populer” dengan “novel serius”, makalah Talib ini berpendapat bahawa novel-novel populer lebih berorientasikan keuntungan. Oleh itu, penerbitan novel populer dianggap tidak mementingkan kualiti, selain cenderung menyajikan cerita-cerita yang ringan yang tidak menuntut kepada daya pemikiran yang tinggi (Talib, 2013: 215). Hal ini menyebabkan novel-novel populer boleh dihasilkan dengan cepat, mengikut gaya atau telunjuk penerbit yang mahukan cerita-cerita ringan dan tidak menuntut daya fikir yang tinggi daripada pembaca. Lebih penting lagi, ciri-ciri ini kemudiannya dikaitkan dengan novel-novel Aisya Sofea yang dianggapnya lebih menggarap kisah cinta yang ringan, selain tidak membawakan pemikiran yang tinggi (Talib, 2013: 215).

Secara keseluruhannya, sorotan terhadap kajian serta tulisan ilmiah di atas menyerlahkan beberapa kesimpulan penting. Pertama, perakuan kajian serta tulisan ilmiah tersebut terhadap kaitan antara novel populer dengan tema percintaan. Dalam hal ini, percintaan dianggap sebagai antara tema menjadi kegemaran pembaca khususnya golongan muda-mudi. Justeru, garapan tema percintaan dianggap dengan mudah dapat menarik minat pembaca dan sekali gus melariskan jualan novel, sebagaimana yang dibangkitkan dalam kajian oleh Wan Norizan Wan Yusoff (2011), dan Samsiah Mohd Nor (2012). Dengan kata lain, tema percintaan dianggap sinonim dengan novel populer.

Kedua, dan lebih penting lagi ialah perakuan kajian serta tulisan ilmiah yang disoroti itu, bahawa novel-novel popular turut menyampaikan mesej-mesej yang berguna kepada pembaca. Mesej-mesej ini dianggap tersulam melalui kisah-kisah percintaan yang digarap sebagai tema, sebagaimana yang dibangkitkan dalam kajian oleh Md. Taib Nordin (2006), Zulkifli Zainal Abidin (2008), Mawar Safei et al. (2008), Zalila Sharif (2007) dan Talib Samat (2006). Seterusnya, hal yang demikian dianggap menjadikan novel-novel popular tidak hanya menyajikan kisah-kisah cinta, tetapi menyalurkan mesej yang dianggap dapat memberikan ilmu pengetahuan kepada pembaca. Malahan, tema-tema ini dianggap mencerminkan pemikiran novelis yang tinggi dan bersifat intelektual (Md. Taib Nordin, 2006). Dalam tulisan yang sama, Md. Taib turut mengutip kenyataan mantan Ketua Pengarah DBP, Datuk Dr. Firdaus Hj. Abdullah yang rata-rata memperakukan potensi novelis-novelis popular dalam “menghasilkan karya yang tinggi pemikirannya” (ungkapan yang dipetik daripada Md. Taib Nordin) (Md. Taib Nordin, 2006).

Ketiga, dan lanjutan daripada kedua-dua perkara di atas, ialah perakuan kajian serta tulisan ilmiah yang mengetengahkan Aisya Sofea sebagai novelis wanita yang giat menghasilkan novel-novel yang bukan sahaja popular, tetapi mengandungi mesej dan ilmu pengetahuan. Hal ini jelas dalam perakuan beberapa pengkaji dan pengkritik sastera berpendapat bahawa novel-novel popular Aisya Sofea mempunyai mesej dan ilmu pengetahuan yang dianggap berguna bagi pembaca. Kajian Mawar Safie et al. (2008), umpamanya menganggap novel-novel popular Aisya Sofea mengangkat isu-isu berkaitan wanita seperti semangat persaudaraan wanita (*sisterhood*) dan ketidakadilan terhadap kaum wanita. Begitu juga tulisan-tulisan Zalila Sharif (2007), Talib Samat (2006) dan Wahba (2013), yang rata-rata menganggap bahawa tema-tema percintaan dalam novel-novel popular Aisya Sofea berkaitan dengan realiti kehidupan masyarakat dan justeru bermanfaat kepada pembaca awam. Selain itu, plot novel-novel popular Aisya Sofea juga dikatakan tidak rumit dan memudahkan pembaca memahami penceritaan yang disampaikan oleh novelis, sebagaimana yang dinyatakan oleh Zalila (2007) dan Samsiah (2012). Adalah jelas pada kajian-kajian oleh Malini (2004), Md. Taib (2006), serta Zulkifli (2008), bahawa novel-novel Aisya Sofea dianggap menawarkan ilmu pengetahuan yang dapat membangunkan pemikiran.

Keempat, dan bertentangan dengan pandangan di atas, sorotan literatur turut mengenal pasti beberapa kajian dan tulisan yang secara jelas menafikan sumbangan novel-novel Aisya Sofea. Tulisan Irwan Abu Bakar (2007) antaranya menganggap novel-novel Aisya Sofea lebih bermotifkan keuntungan, dan justeru dianggap tidak membawa mesej serta isian yang dapat untuk membangunkan pemikiran masyarakat. Demikian juga tulisan Talib Samat (2013) yang secara jelas menganggap novel-novel Aisya Sofea menekankan aspek hiburan, dan oleh itu tidak menawarkan mesej atau ilmu pengetahuan yang dapat meningkatkan daya intelektual pembaca. Adalah jelas pada kajian-kajian oleh Irwan Abu Bakar (2007) dan Talib Samat (2013) bahawa novel-novel Aisya Sofea tidak menawarkan ilmu pengetahuan yang bermanfaat. Kesimpulan kajian-kajian ini jelas bertentangan dengan pandangan yang diutarakan dalam kajian-kajian oleh Malini (2004), Md. Taib (2006), Zalila (2007), Mawar Safei et al. (2008), Zulkifli (2008) dan Samsiah (2012).

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan kesimpulan-kesimpulan yang diperoleh daripada sorotan literatur yang dinyatakan sebelumnya, adalah jelas bahawa terdapatnya dua kutub pandangan yang bukan sahaja berbeza, tetapi saling bertentangan terhadap novel-novel Aisya Sofea. Perbezaan serta pertentangan ini merujuk kepada soal ilmu dalam novel-novel Aisya Sofea. Di satu pihak, novel-novel Aisya Sofea dianggap mengandungi ilmu yang bermanfaat kepada pembaca, sebagaimana yang diperakukan dalam kajian-kajian oleh Samsiah Mohd Nor (2012: 276), Zulkifli Zainal (2008: 23 & 72), Wahba (2013), Md. Taib (2006), Mawar Safei et al. (2008: 5), dan Malini Saibin (2004: 88). Di pihak yang lain pula, novel-novel Aisya Sofea dianggap tidak menawarkan ilmu, dan lebih menekankan aspek hiburan, sebagaimana yang diperakukan dalam kajian-kajian oleh Irwan Abu Bakar (2007: 37) dan Talib Samat (2013: 215). Sesungguhnya, pertentangan antara dua kutub pandangan ini mengundang kajian ini untuk meneliti secara khusus soal ilmu dalam novel-novel Aisya Sofea.

Penelitian terhadap soal “ilmu” dalam kajian ini akan digunakan pada dua tahap, iaitu tahap falsafah dan tahap praktis. Pada tahap falsafah, “ilmu” (dalam kajian ini) merujuk kepada “ilmu yang benar di sisi Islam”, iaitu ilmu yang dapat menjadikan manusia itu tahu untuk membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan. Pada tahap praktis pula, istilah “ilmu” diganti dengan istilah “wacana” yang merujuk kepada “hujah-hujah yang dibangunkan secara sistematik melibatkan analisis, pengukuhan, pembuktian dan rumusan yang akhirnya berupaya membina sebuah wacana ilmiah yang mantap”. Pengertian “ilmu” dan “wacana” ini akan dibincangkan secara terperinci dalam bahagian Definisi Operasional dan Bab 2.

1.4 Objektif Kajian

Dengan permasalahan di atas, kajian ini disasarkan bagi mencapai dua objektif, iaitu:

1. Menganalisis kedudukan ilmu dalam novel-novel popular Aisya Sofea berdasarkan gagasan Persuratan Baru.
2. Merumuskan kedudukan ilmu dalam novel-novel popular Aisya Sofea berdasarkan gagasan Persuratan Baru.

1.5 Kerangka Analisis

Bagi mencapai kedua-dua objektif di atas, kajian ini menerapkan gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) cetusan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) sebagai kerangka analisis. Pemilihan gagasan PB ini didasarkan kepada pertimbangan penting, yang pada asasnya berkaitan dengan Permasalahan Kajian dan Objektif Kajian yang dirangkakan di atas. Sebagaimana yang dikehendaki dalam bahagian Permasalahan Kajian, soal ilmu dalam novel-novel popular Aisya Sofea menjadi pertikaian antara dua kutub pandangan yang berbeza serta saling bertentangan. Dalam konteks ini, pemilihan PB sebagai kerangka analisis dapat dianggap bertepatan dalam usaha untuk

merungkaikan Permasalahan Kajian serta merealisasikan Objektif Kajian. Hal ini kerana gagasan PB merupakan satu kerangka analisis karya sastra yang secara jelas memberikan penekanan terhadap “ilmu” dalam karya sastra. Oleh sebab itu, PB mempunyai falsafah, prinsip serta alat-alat analisis yang jelas, sistematik serta mencukupi untuk diguna pakai sebagai satu kerangka analisis dalam sebuah kajian ilmiah yang menangani permasalahan berkaitan ilmu dalam karya sastra.

Pertama, falsafah *Taklif* yang mendasari gagasan PB, yang meletakkan soal “ilmu yang benar” di sisi Islam sebagai teras dalam penulisan karya sastra. Falsafah *Taklif* ini juga dianggap sesuai bagi menangani serta mendekati novel-novel popular Aisya Sofea yang menjadi bahan kajian. Kesesuaian ini didasarkan kepada hakikat bahawa Aisya Sofea merupakan seorang novelis yang beragama Islam, yang kegiatan penulisannya lahir daripada kesedaran beliau tentang pentingnya penyampaian ilmu kepada pembaca, sebagaimana yang akan dijelaskan dalam Bab 3 nanti. Kedua, prinsip gagasan PB yang membezakan antara “wacana” dengan “cerita”, dan seterusnya mengutamakan “wacana” daripada “cerita”, dalam penghasilan serta penghayatan karya sastra. Prinsip ini akan membolehkan kajian ini untuk mengenal pasti keutamaan dalam novel-novel Aisya Sofea yang dikaji, sama ada terhadap “wacana”, atau “cerita”. Hal ini turut memungkinkan permasalahan tentang kedudukan ilmu dalam novel-novel Aisya Sofea dirungkaikan secara objektif. Ketiga, alat-alat analisis yang dicetuskan PB seperti “paksi naratif”, “ruang naratif”, “isian wacana” dan “isian cerita. Kesemua alat analisis ini akan membolehkan kajian ini untuk menganalisis kehadiran ilmu, dan seterusnya merumuskan soal kedudukan ilmu dalam novel-novel Aisya Sofea yang dikaji. Keempat, penting untuk dijelaskan bahawa kajian ini (dalam Bab 2) akan memperuntukkan perbincangan yang khusus dan terperinci tentang Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastra. Perbincangan ini penting bagi menjelaskan tentang dua perkara. Pertama, pada tahap falsafah, Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastra akan dapat menjelaskan serta mewajarkan kehadiran dan penerapan alat-alat analisis iaitu Paksi Naratif, Ruang Naratif, Isian Wacana dan Isian Cerita, yang akan beroperasi pada tahap praktik. Kedua, pada tahap falsafah juga, Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastra penting bagi membolehkan kajian ini untuk “mendekati” (sebagai satu “pendekatan”) novel-novel yang dikaji. Ini merujuk kepada kedudukan Aisya Sofea sebagai seorang novelis Melayu yang beragama Islam, yang kedudukan ini dengan sendirinya mewajarkan novel-novel beliau untuk diuji serta dianalisis dengan mengguna pakai alat-alat analisis yang lahir daripada Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastra. Dengan kata lain, perbincangan yang khusus serta terperinci tentang Hakikat Insan, Hakikat Ilmu dan Amal, dan Hakikat dan Fungsi Sastra dalam tesis ini adalah penting dan relevan. Pada tahap ini, memadai dijelaskan bahawa pemilihan PB sebagai kerangka analisis dalam kajian ini bukanlah satu pilihan yang bersifat sewenang-wenangnya, sebaliknya dijustifikasikan pada pertimbangan-pertimbangan ilmiah sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

1.6 Kriteria Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, kajian ini berhasrat untuk meneliti novel-novel popular hasil nukilan Aisya Sofea. Untuk itu, kajian ini akan meneliti tiga buah novel popular karya Aisya Sofea yang dianggap penting dan relevan dalam

merungkaikan Permasalahan Kajian dan merealisasikan Objektif-objektif Kajian. Pemilihan bahan-bahan kajian ini didasarkan kepada tiga pertimbangan.

Pertama, novel-novel Aisya Sofea yang dianggap “populer”. Sebagaimana yang akan dijelaskan dalam Bahagian Definisi Operasional nanti, kajian ini akan menggunakan pakai takrifan “novel populer” yang merujuk kepada “novel-novel yang mendapat sambutan pembaca awam yang diukur pada angka jualannya yang tinggi. Sehubungan itu, novel-novel Aisya Sofea yang dipilih sebagai bahan kajian merupakan novel-novelnya yang mendapat sambutan pembaca awam, sebagaimana yang jelas pada angka jualannya yang tinggi. Selain itu, disebabkan oleh popularitinya, kesemua novel Aisya Sofea yang dikaji ini merupakan novel-novel yang telah menarik perhatian para penerbit untuk mengadaptasinya ke drama tv. Penjelasan tentang populariti novel-novel yang dikaji ini akan dilakukan pada bahagian awal iaitu sebelum analisis teks-teks kajian dilakukan dalam Bab 4 kajian ini.

Kedua, novel-novel Aisya Sofea yang dipilih merupakan novel-novel yang cenderung diperagakan sebagai novel yang menawarkan ilmu. Pemeragaan ini, antaranya hadir dalam bentuk perakuan para pengkaji atau pengkritik sastera, penerbit, khalayak sastera, pembaca awam termasuklah pengakuan novelisnya sendiri, sebagaimana yang diutarakan sama ada dalam kajian, makalah, prakata, atau testimoni yang tercetak pada rangsang sari novel. Ini termasuklah kecenderungan yang terlihat pada penampilan luaran novel seperti judul, ilustrasi kulit novel dan sebagainya.

Ketiga, kesemua novel Aisya Sofea yang dipilih diterbitkan oleh syarikat Alaf 21 Sdn. Bhd. Syarikat ini merupakan salah sebuah syarikat penerbitan swasta yang aktif dalam menerbitkan novel-novel populer. Penting dijelaskan bahawa kesemua novel Aisya Sofea sehingga kini diterbitkan oleh Alaf 21 Sdn. Bhd. Tiga buah novel populer Aisya Sofea yang dikaji adalah seperti berikut:

1. *Jendela Hati* (2000), terbitan Group Buku Karangkrif, Alaf 21 Sdn. Bhd.
2. *Kau Untukku* (2001), terbitan Group Buku Karangkrif, Alaf 21 Sdn. Bhd.
3. *Sehangat Asmara* (2003), terbitan Group Buku Karangkrif, Alaf 21 Sdn. Bhd.

1.7 Definisi Operasional

Seterusnya, perbincangan dalam bab ini akan membincangkan secara ringkas beberapa istilah utama yang akan diguna pakai sepanjang kajian ini. Perbincangan ini bertujuan untuk menjelaskan takrifan serta pemahaman yang mendasari istilah-istilah tersebut. Penting dijelaskan bahawa takrifan serta pemahaman ini berkait rapat dengan kerangka analisis bagi kajian ini iaitu Persuratan Baru (PB). Sesuai dengan tujuan perbincangan dalam bahagian ini yang akan dilakukan secara ringkas, maka pemahaman lanjut dan lebih mendalam yang menjadi kerangka yang membentuk takrifan serta pemahaman bagi istilah-istilah penting ini akan dilakukan pada Bab 2 nanti. Sepanjang kajian ini, terdapat tiga istilah penting yang akan mewarnai perbincangan serta mencorakkan analisis serta dapatan kajian nanti, iaitu “ilmu”, “cerita” dan “novel populer”.

1.7.1 “Ilmu”

Pada tahap falsafah, istilah “ilmu” dalam kajian ini merujuk kepada “ilmu yang benar” di sisi Islam, iaitu ilmu yang dapat menjadikan manusia tahu serta kenal kepada Penciptanya. Menurut Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Mohd. Affandi) yang merupakan pencetus gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB), tujuan ilmu dalam Islam adalah untuk mengenali Allah SWT (Mohd Affandi, 2005: 20). Oleh itu, pengertian “ilmu yang benar” menurut Mohd. Affandi, merujuk kepada ilmu yang dapat mendekatkan diri manusia kepada Allah SWT. Ini kerana “ilmu yang benar” tidak akan mendatangkan kekeliruan dan keraguan, sebaliknya mendorong manusia melakukan ibadah dengan sempurna dan yakin.

Penting dijelaskan bahawa penjelasan Mohd. Affandi di atas diasaskan kepada pengertian “ilmu yang benar” yang dihujahkan oleh Imam Al-Ghazali RA (seterusnya Al-Ghazali RA) dalam kitab karangan beliau yang terkenal, iaitu *Al-Munqidh min Al-Dalal*, yang diterjemahkan oleh Abdullah Nuh dalam bahasa Melayu sebagai *Pembebas dari Kesesatan* (1966). Menurut Imam Al-Ghazali RA, “ilmu yang benar” akan membawa seseorang manusia untuk tidak melakukan perbuatan yang sia-sia. Ini memperlihatkan bahawa “ilmu yang benar” menjadi asas daripada perasaan ragu-ragu dan keliru terhadap sesuatu perkara. Dalam konteks ini, dapat dijelaskan bahawa dengan “ilmu yang benar”, akan mewujudkan keyakinan dalam diri seseorang manusia untuk melakukan ibadah dengan sempurna (Al-Ghazali RA, 1966: 8).

Seterusnya, pada tahap praktisnya pula, “ilmu” dalam kajian ini merujuk kepada “wacana”. Menurut Mohd. Affandi, “wacana” merujuk kepada idea atau buah fikiran yang bernas yang dibangunkan secara serius. Idea ini bukanlah merujuk kepada ilham cerita, sebaliknya idea atau hujah intelektual yang dibangunkan secara ilmiah dengan huraian serta pengukuhan yang mantap dan tersusun (Mohd. Affandi, 2004: 54).

Seiring dengan Mohd. Affandi Hassan, Ungku Maimunah Mohd. Tahir (seterusnya Ungku Maimunah) (2009: 102 & 106) turut menjelaskan tentang “wacana”. Menurut Ungku Maimunah, “wacana” merujuk kepada daya fikir dan hujahan yang benar-benar mantap. Daya fikir ini diperoleh daripada beberapa proses pembentukan. Antaranya melalui pengutaraan idea, penghuraian dan penjelasan contoh yang menghadirkan analisis serta rumusan yang mantap. Dengan proses pembentukan ini, sebuah pemikiran yang sempurna dapat dibangunkan. Menurut Ungku Maimunah, pemikiran yang dibangunkan ini berteraskan kepada proses penaakulan yang digembleng secara serius dan ilmiah (Ungku Maimunah, 2009: 102 & 106).

Secara konklusifnya, istilah “ilmu” dalam kajian ini akan digunakan pada dua tahap, iaitu tahap falsafah dan tahap praktis. Pada tahap falsafah, “ilmu” (dalam kajian ini) merujuk kepada “ilmu yang benar di sisi Islam”, iaitu ilmu yang dapat menjadikan manusia itu tahu untuk membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan. Pada tahap praktis pula, istilah “ilmu” diganti dengan istilah “wacana” yang merujuk kepada “hujah-hujah yang dibangunkan secara sistematik melibatkan analisis, pengukuhan,

pembuktian dan rumusan yang akhirnya berupaya membina sebuah wacana ilmiah yang mantap”.

1.7.2 “Cerita”

Seterusnya, penting dijelaskan bahawa menurut kerangka PB juga, “ilmu” atau “wacana” itu dibezakan daripada “cerita”. Sehubungan itu, “cerita” menurut PB merujuk kepada manipulasi alat-alat penceritaan seperti watak, plot, peristiwa dan sebagainya. Walau bagaimanapun, PB tidak sama sekali menolak “cerita”. Sebaliknya, “cerita” digunakan untuk menyampaikan gagasan atau pemikiran. Dalam konteks ini, Mohd. Affandi mengambil contoh Al-Quran sebagai sebuah *Qalam* yang tidak sekadar bercerita, namun cerita dijadikan sebagai satu peringatan kepada manusia (Mohd. Affandi, 1994c: 11-12).

Seterusnya, menurut Ungku Maimunah (2009: 88) “cerita” dalam PB berfungsi untuk menyampaikan “ilmu”. Dalam konteks ini, Ungku Maimunah menjelaskan bahawa dalam PB, “cerita” termasuk komponen-komponen naratif dimanipulasi untuk tujuan menghujahkan wacana (Ungku Maimunah, 2009: 88).

Secara konklusifnya, istilah “cerita” dalam kajian ini merujuk kepada penggabungan alat-alat penceritaan seperti watak, plot dan seumpamanya yang akhirnya dapat membina sebuah cerita. Dalam konteks PB, “cerita” dalam karya kreatif berperanan untuk menyampaikan “wacana” atau “ilmu”.

1.7.3 “Novel Popular”

Seterusnya ialah istilah “novel popular” yang sepanjang kajian ini merujuk kepada “novel-novel yang mendapat sambutan pembaca awam yang antaranya jelas pada angka jualannya yang tinggi. Pemahaman ini antaranya disandarkan kepada takrifan dalam *Ensiklopedia Britannica* yang mentakrifkan “sastera popular” termasuk “novel popular” sebagai tulisan-tulisan yang ditulis untuk tatapan awam, dan oleh itu ditulis bagi memenuhi selera pembaca awam. Menurut Colin Macfarquhar (seterusnya Macfarquhar), “novel popular” merupakan karya yang mendapat sambutan hangat daripada pembaca. Sambutan hangat ini disebabkan oleh ciri-cirinya yang menepati cita rasa pembaca. Antara ciri yang paling menonjol ialah gaya penceritaan yang ringan dan mudah difahami oleh pelbagai golongan pembaca. Menurut Macfarquhar, paparan cerita yang ringan dan mudah ini berfungsi untuk memberikan hiburan, dan tidak menuntut pemikiran yang tinggi. Oleh itu, Macfarquhar merumuskan bahawa “novel popular” dianggap tidak mempunyai nilai sastera (Macfarquhar: 2017).

Seterusnya, C. Hugh Holman dan William Harmon (seterusnya Holman & Harmon) dalam *A Handbook to Literature* (1980) mentakrifkan “sastera popular” termasuk “novel popular”, sebagai tulisan-tulisan yang dihasilkan untuk tujuan komersial. Menurut Holman dan Harmon, “novel popular” merupakan karya fiksiyen yang

digemari oleh pembaca. Oleh sebab itu, “novel popular” kebanyakannya menduduki carta “*bestsellers*”. Menurut Holman & Harmon lagi, kebanyakan “novel popular” diulang cetak beberapa kali atas permintaan awam. Dalam konteks ini, pihak penerbit dan novelis mendapat pulangan yang menguntungkan hasil daripada jualan “novel popular”. Adalah ketara bahawa apa yang diertikan oleh Holman & Harmon sebagai “novel popular” rata-rata merujuk kepada sambutan daripada pembaca (Holman & Harmon, 1980: 368). Berdasarkan perbincangan di atas, dikatakan bahawa “novel popular” menurut pemahaman sastera Barat rata-rata merujuk kepada sambutan yang menggalakkan daripada pembaca serta cenderung memperagakan unsur hiburan sebagai daya tarikan.

Seterusnya, dalam konteks sastera Melayu moden pula, takrifan “novel popular” turut dikemukakan oleh sarjana dan pengkaji sastera. Kamariah Kamarudin (seterusnya Kamariah) (2014: 241) menjelaskan bahawa rata-rata novel popular yang diterbitkan hanya mementingkan aspek komersialisme. Menurut Kamariah, aspek komersialisme ini dilihat pada paparan kulit depan novel dengan imej wanita. Dengan gambaran yang sedemikian, novel popular dianggap memberi tafsiran penting berkaitan sebuah kisah cinta. Selain itu, perkataan judul novel juga mempengaruhi nuansa-nuansa percintaan yang menjadi bumbu dalam cerita. Oleh itu, Kamariah menganggap bahawa dengan pakej yang tersedia ini, novel popular mampu menarik perhatian pembaca awam (Kamariah, 2014: 241).

Seterusnya, Azman Hussin dalam tulisannya bertajuk “Kualiti Perlu Diutamakan dalam Menggalakkan Karya Eksperimental” (1995: 17), menjelaskan bahawa cerita dalam novel popular tidak mampu dihayati oleh khalayak pembaca. Ini kerana cerita yang disajikan itu tiada falsafah dan tidak menuntut pemikiran yang tinggi untuk memahaminya. Dalam konteks ini, Azman Hussin menjelaskan bahawa novel popular begitu lemah dalam menyampaikan pemikiran, dan pembaca tidak perlu berfikir secara kritis bagi memahami novel. Dapat dirumuskan bahawa novel popular sekadar memaparkan mesej yang mudah untuk difahami. Ini didasarkan kepada keghairahan novelis yang dianggap menghadirkan “mesej” dan “falsafah” yang ringan (Azman Hussin, 1995: 17).

Secara konklusifnya, istilah “novel popular” yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada novel-novel yang digemari serta mendapat sambutan hebat daripada pembaca awam, sebagaimana yang dapat dilihat pada angka jualan serta jumlah cetakan. Sambutan pembaca awam terhadap “novel popular” popular ini rata-rata didorong oleh kecenderungannya terhadap tema-tema percintaan yang dianggap ringan dan menghiburkan. Justeru, “novel popular” juga dianggap sebagai novel yang tidak menyampaikan ilmu atau pemikiran kepada pembaca. Secara keseluruhannya, istilah “ilmu”, “cerita” dan “novel popular” hadir dalam kajian ini dengan pengertian sebagaimana yang telah ditakrifkan di atas.

1.8 Kepentingan Kajian

Secara khusus, kajian ini diharapkan akan dapat merungkaikan permasalahan tentang perbezaan pandangan tentang ilmu dalam novel-novel Aisya Sofea. Secara amnya pula, kajian ini diharap mampu menyumbang dalam memperkayakan lagi korpus ilmiah tentang sastera popular, dan lebih penting lagi merungkaikan permasalahan berkaitan ilmu dan epistemologi dalam kesusasteraan Melayu. Selain itu, kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada para novelis untuk memanifestasikan ilmu yang benar dalam setiap penghasilan karya. Dengan pemanfaatan ilmu ini, pemikiran khalayak pembaca dapat dibangunkan untuk membezakan antara kebenaran dan kepalsuan sesuatu perkara.



BIBLIOGRAFI

- A. Rahman Yusof. (Februari 1982). Seks, Sastera, Pornografi. *Dewan Sastera*. 12-16.
- A. Ubaidillah. (2013). *Warkah Cinta Berbau Syurga*. Batu Caves: PTS. Litera Utama Sdn. Bhd.
- Abdullah Tahir. (1995). Novel-novel Mohd. Affandi: Meneliti Kemungkinan Penerapan Konsep Persuratan Baru Melayu. Dalam Kongres Bahasa Melayu Sedunia. Kumpulan Kertas Kerja (1).
- Ahadiat Akashah. (Ogos 2007). *Forum Novel Popular*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Lutfi @ A. H. Edrus. (1962). *Persuratan Melayu II*. Singapura: Qalam Press Limited. 364-367.
- Aishah Abu Bakar. (1998). "Citra Wanita dalam Novel-novel Popular Samsiah Mohd Nor dan A. Talib Hassan (1990-an) Serta Penerbitnya". Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aisya Sofea. (2000). *Jendela Hati*. Shah Alam: Grup Buku Karang kraf, Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Aisya Sofea. (2001). *Kau Untukku*. Shah Alam: Grup Buku Karang kraf, Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Aisya Sofea. (2003). *Sehangat Asmara*. Shah Alam: Grup Buku Karang kraf, Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Alaf 21. Pengenalan – Alaf 21. <http://www.alaf21.com.my/pg/Pengenalan> (Diakses pada 15 Julai 2017).
- Al-Quran Tajwid dan Terjemahan*. (2012). Semeniyh: Humaira Bookstore Enterprise.
- Ana Yunisza. (2010). *Jendela Hati*. (8 Disember 2010). https://www.goodreads.com/review/show/134098616?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 19 April 2017).
- Azman Hussin. (Mac 1995). Kualiti Perlu diutamakan dalam Menggalakkan Karya Eksperimental. *Mingguan Malaysia*. 67-68.
- BillyNain. (2010). Top 5 Novelis di Malaysia (Alaf 21). (16 Julai 2010). <http://billyinfo.blogspot.my/2010/07/top-5-novelis-di-malaysia-alaf-21.html#axzz4a9SAsWf0> (Diakses pada 25 Oktober 2016).
- Direktori Penulis*. (2014). Shah Alam: Alaf 21 Sdn. Bhd.

- Galeri Ilmu*. (2016). Profil Syarikat Galeri Ilmu Sdn. Bhd. http://galeriilmu.com/v4/index.php?route=information/information&information_id=4 (Diakses pada 12 Disember 2016).
- Halimi Che Leh. (1996). Novel-novel Mohd. Affandi Hassan: Satu Kajian Tematik dan Estetik. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Holman, H. C. dan Harmon, W. (1980). *A Handbook to Literature*. New York: The Odyssey Press.
- Imam Al-Ghazali. (1966). *Pembebas Dari Kesesatan*. Terj. Abdullah Nuh. Jakarta: Penerbit Tintamas.
- Irwan Abu Bakar. (Februari 2007). Novel Popular dan Pembangunan Minda. *Dewan Sastera*. 36-37.
- Ja'afar Hamdan. (Mei 2009). Memaknakan Konsep Sastera Popular. *Dewan Sastera*. 66-67.
- Jijah. (2013). Review Novel *Dekatnya Cinta, Adam dan Hawa* Karya Aisya Sofea Penuh Dengan Emosi. (19 September 2013). <http://cheritaemotemo.blogspot.my/2013/09/reviewnovel-dekatnya-cinta-adam-hawa-2.html> (Diakses pada 25 Oktober 2016).
- Kamariah Kamarudin. (2014). *Novel Melayu dalam Pelbagai Perspektif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kamsiah Abd. Rahman. (1995). Peranan Creative Enterprise Sdn. Bhd. dalam Penerbitan Novel. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Simpulan Bahasa*. (2013). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kathirasan a/l Doraisamy. (2004). Pemikiran Shahnnon Ahmad dan Naquib Mahfouz dalam Novel-novel Terpilih: Satu Perbandingan. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya.
- Koh Young Hu dan Ummu Hani. (2015). Fenomena Novel Popular Islam di Malaysia dan Indonesia: Bacaan Khusus Terhadap Novel *Ayat-ayat Cinta* dan *Salju Sakinah*. *Jurnal Melayu Bil.* (14). 92-102.
- Laporan Hakim Hadiah Sastera Malaysia 1982/1983. (Mac 1985). *Dewan Sastera*. 62-67.
- Macfarquhar, C. (2017). *Encyclopedia Britannica* (Popular Literature). (1 Julai 2017). <https://www.britannica.com/art/popular-literature> (Diakses pada 3 Jun 2017).
- Malini Saibin. (2004). Ilmu Pengetahuan dalam novel *Jauh* dan *Jendela Hati* Karya Aisya Sofea. Project Paper. Universiti Putra Malaysia.

- Mawar Safei et al. (2008). Novel Popular dan Kecenderungan Khalayak Remaja. *Jurnal e-Bangi: Jurnal Elektronik Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Volume (3.). 1-13.
- Md. Taib Nordin. (Disember 2006). Novel Popular: Antara Komersialisme dengan Intelektualisme. *Berita Harian*. 10.
- Meor Alif. (1970). Pasaran Novel-novel Melayu 1957-1969. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd. Affandi Hassan. (April 1982). Para Penulis, Belajarlah Membaca dengan Betul. *Widya*. 34-35.
- Mohd. Affandi Hassan. (Februari 1989). Pemikiran dan Pendekatan dalam Kritikan Sastra Melayu Moden. *Dewan Sastra*. 41-46.
- Mohd. Affandi Hassan. (1994a). *Medan-medan Dalam Sistem Persuratan Melayu*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Puteri.
- Mohd. Affandi Hassan. (1994b). *Cendera Kirana: Sajak-sajak Tiga Baris, Haiku in Malay*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration (INTAN).
- Mohd. Affandi Hassan. (September 1994c). Mengapa Saya Menulis *Aligupit*. *Dewan Masyarakat*. 10-12.
- Mohd. Affandi Hassan. (1997). *Pujangga Melayu*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Affandi Hassan. (2003). Unsur Jenaka dalam Novel Kawin-kawin: Kegagalan Intelektual Seorang Sasterawan. Kertas Kerja dibentangkan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. 21-23 Ogos 2003.
- Mohd. Affandi Hassan. (2005). *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Affandi Hassan et al. (2008). *Gagasan Persuratan Baru Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (2012). Keindahan Bahasa Berasaskan Konsep Ihsan. Dalam Zaidi Ismail dan Wan Suhaيمي Wan Abdullah (Penyt.), *Adab dan Peradaban Karya Pengi'tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Petaling Jaya: MPH Publishing.
- Mohd. Affandi Hassan et al. (2014). *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Affandi Hassan. (2014). Nota Kecil Tentang Balai Maqamat. (14 Jun 2014). <http://pbaru.blogspot.my/2014/06/nota-kecil-tentang-balai-maqamat.html> (Diakses pada 5 Julai 2016).

- Mohd. Affandi. (2015). *Pandirisme dalam Komuniti Dunia*. (10 Mac 2015). <http://pbaru.blogspot.my/2015/03/pandirisme-dalam-komuniti-dunia.html> (Diakses pada 5 Julai 2016).
- Mohd. Affandi Hassan. (2016). *Pandirisme dalam Komuniti Dunia*. Kuala Lumpur: Himpunan Keilmuan Muslim (HAKIM).
- Mohd. Affandi Hassan dalam Mohd Zaidi Ismail dan Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2012). *Adab dan Peradaban Karya Peng'iktirafan untuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd. Rosli Dollah. (2005). Novel-novel Ahadiat Akashah dalam Membina Sahsiah Remaja. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zariat Abdul Rani dan Ungku Maimunah. (2008). The Appropriation of Narative Space in Hikayat Faridah Hanom by Syed Sheikh Al-Hadi and Pujangga Melayu by Mohd. Affandi Hassan: A Comparative Analysis. Dalam Mohd. Affandi Hassan et al., *Gagasan Persuratan Baru Pengenalan dan Penerapan*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). 290-317.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2011). *Seksualiti dalam Novel Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2013). Popular Islamic Novels in Malaysia and the Contribution of Writers Educated in the Middle East. *Review of Indonesian and Malaysian Affairs*. (47). 35-60.
- Mohamad Saleeh Rahamad. (2010). Novel Melayu 1970-an: Antara Kekal dengan Inovasi. Dalam Siti Aisah Murad, *Kesusasteraan Melayu Moden 1970-1979*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Ibrahim. (1980). Naratif Percintaan dalam Novel-novel Kisah Cinta. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Nahari Mastono Arukin. (2008). Analisis Pemikiran dalam Espen-espen Mohd. Affandi Hassan. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nasirah Mohd. Ghazali. (2006). Strategi Pemasaran Novel Melayu: Tumpuan Kepada Penerbit Alaf 21 Sdn. Bhd. Tesis Sarjana. Universiti Malaya.
- Nisah Haron. (Februari 2012). Perkembangan Novel Popular Dekad Mutakhir. *Dewan Sastera*. 51-54.
- Norhanizah Zainol. (2012). 'Popular' dalam Novel Melayu. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hasimah Ismail. (2014). Konflik Jiwa Watak-watak Wanita Dalam Novel Pilihan Fatimah Busu. <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/682/1/KONFLIK%20JIWA%20WATAK-WATAK%20WANITA%20DALAM%20NOVEL%20PILIHAN%20FATIMA%20BUSU.pdf> (Diakses pada 26 Oktober 2016).

- Nuraidil Husna. (2013). *Gaya Bahasa Pengarang Lelaki dan Wanita Novel Populer Berdasarkan Karya yang Terpilih*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Fatiha Fadila. (2014). *Intelektualisme dalam Lima Novel Anwar Ridhwan Dari Sudut Persuratan Baru*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- PTS Media Group Sdn. Bhd. (2016). *Dasar-dasar Perniagaan PTS*. <http://pts.com.my/pengenalan/> (Diakses pada 12 Disember 2016).
- Puteri Dayana. (2013). *Cerita Dari Novel*. (5 September 2013). <http://smallpointer.blogspot.my/2013/09/jendela-hati-aisya-sofea.html> (Diakses pada 26 Oktober 2016).
- Ramli Isin. (1997). *Novel Melayu Mutakhir Tema dan Persoalan Karya*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rosnah Baharudin. (1979). *Peranan dan Kedudukan Wanita Malaysia Antara Tahun 1957-75. Berdasarkan Novel-novel Oleh Novelis Wanita*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- S. Othman Kelantan. (Mac 2004). *Karya Picisan dan Karya Populer*. *Dewan Sastera*. 12-13.
- Salbiah Salleh. (2007). *Novel Populer Lawan Novel Serius*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Samsiah Mohd Nor. (2012). *Ekspresi Bahasa Wanita dalam Novel-novel Populer*. Tesis Kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Senthil Vidivu a/p Jangga Raju. (2002). *Saga Dua: Satu Analisis Perwatakan*. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shikin Ali. (2013). *Isteri Mithali: Satu Kajian Persepsi Isteri dalam Novel dan Masyarakat Melayu*. Tesis Sarjana. National University of Singapore.
- Supardi Muradi. (1979). *Novel-novel Erotik Melayu di Sekitar Tahun-tahun 1960-1970-an: Satu Pembicaraan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syah Waliyullah Al-Dihlawi. (2005). *Argumen Puncak Allah Kearifan dan Dimensi Batin Syariat*. Terj. Nuruddin Hidayat & C. Romli Bihar Anwar. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Syed Abdullah. (1961). *"Ahmad Lutfi"*. Latihan Ilmiah. Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya.
- Syed Othman Kelantan. (1985). *Tenik Mengkaji Novel (Dalam dan Luaran)*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.

- Talib Samat. (2002). *Ahmad Lutfi: Penulis, Penerbit dan Pendakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Talib Samat. (2006). Strategi dan Teknik Naratif dalam Novel Jendela Hati Karya Aisya Sofea. Dalam Bengkel Kajian Novel Popular di Malaysia. Anjuran Bahagian Kesusasteraan Moden, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 14-15 Disember 2006.
- Talib Samat. (2013). Perbandingan Novel Popular dengan Novel Serious. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu*. (1). 214-228.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2003). *Readings in Modern Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2007). *Kritikan Sastera Melayu Antara Cerita dan Ilmu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (2009). *Dinamika Pemikiran Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ungku Maimunah et al. (2014). *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahba. (Januari 2013). Penghargaan Pada Novel Cinta. *Utusan Melayu*.
- Wan Norizan Wan Yusoff. (2011). Isu Sosial dalam Novel Samsiah Mohd Nor. Tesis Sarjana. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Zaida Wan Yussof. (2009). Pemikiran dalam Novel Mohd. Affandi Hassan: Analisis Dari Sudut Kajian Budaya. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Yahaya Ismail. (1967). *Kesusasteraan Moden dalam Esei dan Keritik*. Singapura: Penerbit Pustaka Nasional.
- Yahya Samah. (April 1998). Saya Sudah Jauh Ketinggalan. *Utusan Zaman*. 19-20.
- Zaid Akhtar. (2012). *Salju Sakinah*. Batu Caves: PTS. Litera Utama Sdn. Bhd.
- Zalila Sharif. (Februari 2007). Cabaran Novel Popular dalam Arus Sastera Perdana. *Dewan Sastera*. 33-35.
- Zulkifli Zainal Abidin. (2008). Novel Popular Antara Komersialisme dan Intelektualisme: Teks Kajian *Arjuna Hati*, *Getaran Rindu* dan *Zuriat* Karya Norzailina Nordin. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.